



DOKUMEN SEBUT HARGA

NO. SEBUT HARGA: RE25-11-001-SH

**SEBUT HARGA BAGI PEROLEHAN BEKALAN BAHAN PROMOSI SEMPENA JERAYAWARA
PELAN HALA TUJU TRANSFORMASI AIR 2040**

SENARAI LAMPIRAN:

Lampiran 1	: LAMPIRAN Q
Lampiran 2	: SPESIFIKASI BEKALAN DAN TAWARAN HARGA
Lampiran 3	: SYARAT – SYARAT AM
Lampiran 4	: ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA
Lampiran 5	: RINGKASAN SEBUT HARGA (KUANTITI)
Lampiran 6	: BORANG SEBUT HARGA
Lampiran 7	: SURAT AKUAN PEMBIDA
Lampiran 8	: SURAT PERWAKILAN KUASA
Lampiran 9	: MAKLUMAT SYARIKAT
Lampiran 10	: SENARAI SEMAKAN SEBUT HARGA
Lampiran 11	: PEROLEHAN YANG TELAH DISEMPURNAKAN
Lampiran 12	: PEROLEHAN YANG SEDANG DILAKSANAKAN
Lampiran 13	: RISALAH/ KATALOG/ SAMPEL

LAMPIRAN Q
(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)

Bila menjawab sila nyatakan nombor ini:

RE25-11-001-SH

**SEBUT HARGA BAGI PEROLEHAN BEKALAN BAHAN PROMOSI SEMPENA JERAYAWARA
PELAN HALA TUJU TRANSFORMASI AIR 2040**

Kepada: (Penyebut harga hendaklah melengkapkan nama syarikat di ruangan ini)	Pelawaan Sebut harga dikeluarkan oleh: Akademi Sains Malaysia Tingkat 20, Sayap Barat Menara MATRADE Jalan Sultan Haji Ahmad Shah Off Jalan Tuanku Abdul Halim 50480 Kuala Lumpur	
No. Telefon:		
No. Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan:		
Kod Bidang Pendaftaran yang relevan dengan perolehan ini: 030201	No. Telefon: Tarikh:	03-6203 0633 10 November 2025

Sebut harga hendaklah mengikut syarat-syarat di bawah:

- Dokumen sebut harga yang lengkap perlu dihantar dalam format PDF;
- Dokumen sebut harga hendaklah **diemel ke sebutharga@akademisains.gov.my** tidak lewat pada jam **12.00 TENGAHARI** pada **19 November 2024**;
- Perkara/ *subject* pada emel perlu menyatakan nombor sebut harga '**Sebut Harga No.: RE25-11-001-SH**'.
- Emel salinan/ cc **TIDAK DIBENARKAN** bagi penghantaran dokumen sebut harga.
- Tempoh sah laku Sebut Harga hendaklah **90 hari selepas tarikh tutup**.

Tandatangan	:	
Nama Pegawai	:	SEETHA RAMASAMY
Jawatan	:	Chief Operating Officer
Tarikh	:	10 November 2025

LAMPIRAN 2

SPEKIFIKASI BEKALAN DAN TAWARAN HARGA

BIL	PERIHAL BEKALAN YANG DIPERLUKAN	KUANTITI/ KEKERAPAN (BERDASARKAN PROGRAM)	KADAR (RM)	HARGA (RM)																											
	UNTUK DIISI OLEH JABATAN		UNTUK DIISI OLEH PENYEBUT HARGA																												
	I. Sebut harga ini adalah perolehan bekalan bahan promosi sempena Jerayawara Pelan Hala Tuju Transformasi Air 2040. Bekalan yang diperlukan adalah seperti berikut:- <table><tr><th>Bil</th><th>Butiran</th><th>Tarikh bekalan</th></tr><tr><td>1.</td><td>Penanda buku</td><td>18 Disember 2025</td></tr><tr><td>2.</td><td><i>Stress ball</i></td><td>18 Disember 2025</td></tr><tr><td>3.</td><td>Kad pemacu USB</td><td>18 Disember 2025</td></tr><tr><td>4.</td><td>Kipas tangan PVC</td><td>18 Disember 2025</td></tr><tr><td>5.</td><td>Lanyard</td><td>18 Disember 2025</td></tr><tr><td>6.</td><td>Rantai kunci</td><td>18 Disember 2025</td></tr><tr><td>7.</td><td>Beg guna semula berserta <i>pouch</i></td><td>18 Disember 2025</td></tr><tr><td>8.</td><td>Jurnal mini yang mengandungi teks berkaitan AIR2040</td><td>18 Disember 2025</td></tr></table> II. Sampel setiap item perlu diserahkan secara fizikal ke pejabat ASM sebelum tarikh tutup penyertaan sebut harga. III. Penyebut harga yang berjaya dikehendaki menyediakan <u>rekabentuk grafik</u> dan <u>satu mock-up</u> bagi setiap item yang diperlukan. Rekabentuk grafik dan mock-up perlu mendapat persetujuan ASM sebelum cetakan akhir dibuat. IV. Logo akan diberikan oleh ASM dalam format AI. V. Sila rujuk perincian spesifikasi di Lampiran 2 dokumen sebut harga ini. VI. Tawaran harga di atas mestilah termasuk dengan kos penghantaran.				Bil	Butiran	Tarikh bekalan	1.	Penanda buku	18 Disember 2025	2.	<i>Stress ball</i>	18 Disember 2025	3.	Kad pemacu USB	18 Disember 2025	4.	Kipas tangan PVC	18 Disember 2025	5.	Lanyard	18 Disember 2025	6.	Rantai kunci	18 Disember 2025	7.	Beg guna semula berserta <i>pouch</i>	18 Disember 2025	8.	Jurnal mini yang mengandungi teks berkaitan AIR2040	18 Disember 2025
Bil	Butiran	Tarikh bekalan																													
1.	Penanda buku	18 Disember 2025																													
2.	<i>Stress ball</i>	18 Disember 2025																													
3.	Kad pemacu USB	18 Disember 2025																													
4.	Kipas tangan PVC	18 Disember 2025																													
5.	Lanyard	18 Disember 2025																													
6.	Rantai kunci	18 Disember 2025																													
7.	Beg guna semula berserta <i>pouch</i>	18 Disember 2025																													
8.	Jurnal mini yang mengandungi teks berkaitan AIR2040	18 Disember 2025																													
	PERINCIAN SPESIFIKASI																														
	1. Penanda buku (rujuk ilustrasi 1, lampiran 2) <table><tr><td>Bahan</td><td>310gsm Art card</td></tr><tr><td>Saiz</td><td>6" (p) x 2" (l)</td></tr><tr><td>Warna</td><td>Warna penuh</td></tr><tr><td>Cetakan (CMYK)</td><td>Cetakan hadapan dan belakang</td></tr><tr><td>Kemasan</td><td><i>Matt lamination</i></td></tr><tr><td>Reka bentuk & <i>mock-up</i></td><td>Disediakan oleh syarikat pembekal</td></tr></table>	Bahan	310gsm Art card	Saiz	6" (p) x 2" (l)	Warna	Warna penuh	Cetakan (CMYK)	Cetakan hadapan dan belakang	Kemasan	<i>Matt lamination</i>	Reka bentuk & <i>mock-up</i>	Disediakan oleh syarikat pembekal	5,000 unit																	
Bahan	310gsm Art card																														
Saiz	6" (p) x 2" (l)																														
Warna	Warna penuh																														
Cetakan (CMYK)	Cetakan hadapan dan belakang																														
Kemasan	<i>Matt lamination</i>																														
Reka bentuk & <i>mock-up</i>	Disediakan oleh syarikat pembekal																														

BIL	PERIHAL BEKALAN YANG DIPERLUKAN	KUANTITI/ KEKERAPAN (BERDASARKAN PROGRAM)	KADAR (RM)	HARGA (RM)																		
	2. <i>Stress ball</i> (rujuk ilustrasi 2, lampiran 2) <table><tr><td>Jenis</td><td>Foam</td></tr><tr><td>Saiz</td><td>7.6cm (p) x 5.9cm (l) x 6.4cm (d)</td></tr><tr><td>Berat</td><td>23g+/pc</td></tr><tr><td>Bentuk</td><td><i>Water droplet</i></td></tr><tr><td>Warna</td><td>Biru cair/ putih</td></tr><tr><td>Cetakan</td><td>Cetakan 1 muka iaitu: i. Logo AIR2040 ii. Logo PETRA</td></tr><tr><td>Kemasan</td><td><i>Silkscreen</i> dan cetakan UV</td></tr><tr><td>Pembungkusan</td><td>Bungkusan di dalam kotak bagi setiap item</td></tr><tr><td>Reka bentuk & <i>mock-up</i></td><td>Disediakan oleh syarikat pembekal</td></tr></table>	Jenis	Foam	Saiz	7.6cm (p) x 5.9cm (l) x 6.4cm (d)	Berat	23g+/pc	Bentuk	<i>Water droplet</i>	Warna	Biru cair/ putih	Cetakan	Cetakan 1 muka iaitu: i. Logo AIR2040 ii. Logo PETRA	Kemasan	<i>Silkscreen</i> dan cetakan UV	Pembungkusan	Bungkusan di dalam kotak bagi setiap item	Reka bentuk & <i>mock-up</i>	Disediakan oleh syarikat pembekal	500 unit		
Jenis	Foam																					
Saiz	7.6cm (p) x 5.9cm (l) x 6.4cm (d)																					
Berat	23g+/pc																					
Bentuk	<i>Water droplet</i>																					
Warna	Biru cair/ putih																					
Cetakan	Cetakan 1 muka iaitu: i. Logo AIR2040 ii. Logo PETRA																					
Kemasan	<i>Silkscreen</i> dan cetakan UV																					
Pembungkusan	Bungkusan di dalam kotak bagi setiap item																					
Reka bentuk & <i>mock-up</i>	Disediakan oleh syarikat pembekal																					
	3. Kad pemacu USB (rujuk ilustrasi 3, lampiran 2) <table><tr><td>Jenis</td><td>ABS</td></tr><tr><td>Saiz</td><td>84mm (p) x 52mm (l) x 3mm (t)</td></tr><tr><td>Berat</td><td>10g</td></tr><tr><td>Kapasiti</td><td>32GB</td></tr><tr><td>Cetakan (CMYK)</td><td>Cetakan hadapan dan belakang (<i>digital print</i>)</td></tr><tr><td>Tempoh jaminan</td><td>1 tahun</td></tr><tr><td>Ciri-ciri tambahan</td><td> <i>Hot plug and play</i> - Lubang untuk menggantung lanyard - Sesuai untuk computer dan alat elektronik dengan USB port </td></tr><tr><td>Reka bentuk & <i>mock-up</i></td><td>Perlu disediakan oleh syarikat pembekal</td></tr></table>	Jenis	ABS	Saiz	84mm (p) x 52mm (l) x 3mm (t)	Berat	10g	Kapasiti	32GB	Cetakan (CMYK)	Cetakan hadapan dan belakang (<i>digital print</i>)	Tempoh jaminan	1 tahun	Ciri-ciri tambahan	<i>Hot plug and play</i> - Lubang untuk menggantung lanyard - Sesuai untuk computer dan alat elektronik dengan USB port	Reka bentuk & <i>mock-up</i>	Perlu disediakan oleh syarikat pembekal	250 unit				
Jenis	ABS																					
Saiz	84mm (p) x 52mm (l) x 3mm (t)																					
Berat	10g																					
Kapasiti	32GB																					
Cetakan (CMYK)	Cetakan hadapan dan belakang (<i>digital print</i>)																					
Tempoh jaminan	1 tahun																					
Ciri-ciri tambahan	<i>Hot plug and play</i> - Lubang untuk menggantung lanyard - Sesuai untuk computer dan alat elektronik dengan USB port																					
Reka bentuk & <i>mock-up</i>	Perlu disediakan oleh syarikat pembekal																					

BIL	PERIHAL BEKALAN YANG DIPERLUKAN	KUANTITI/ KEKERAPAN (BERDASARKAN PROGRAM)	KADAR (RM)	HARGA (RM)																
	4. Kipas tangan PVC (rujuk ilustrasi 4, lampiran 2) <table><tr><td>Jenis</td><td>PVC</td></tr><tr><td>Saiz</td><td>18.5cm (p) x 17cm (t)</td></tr><tr><td>Berat</td><td>16g+/pc</td></tr><tr><td>Cetakan (CMYK)</td><td>Cetakan hadapan dan belakang: i. Logo AIR2040 ii. Logo PETRA iii. Teks/ ilustrasi berkaitan air </td></tr><tr><td>Warna pemegang</td><td>Biru</td></tr><tr><td>Saiz pemegang</td><td>121mm (p) x 26mm (l)</td></tr><tr><td>Kemasan</td><td><i>Silkscreen</i> dan cetakan UV</td></tr><tr><td>Reka bentuk & <i>mock-up</i></td><td>Perlu disediakan oleh syarikat pembekal</td></tr></table>	Jenis	PVC	Saiz	18.5cm (p) x 17cm (t)	Berat	16g+/pc	Cetakan (CMYK)	Cetakan hadapan dan belakang: i. Logo AIR2040 ii. Logo PETRA iii. Teks/ ilustrasi berkaitan air	Warna pemegang	Biru	Saiz pemegang	121mm (p) x 26mm (l)	Kemasan	<i>Silkscreen</i> dan cetakan UV	Reka bentuk & <i>mock-up</i>	Perlu disediakan oleh syarikat pembekal	5,000 unit		
Jenis	PVC																			
Saiz	18.5cm (p) x 17cm (t)																			
Berat	16g+/pc																			
Cetakan (CMYK)	Cetakan hadapan dan belakang: i. Logo AIR2040 ii. Logo PETRA iii. Teks/ ilustrasi berkaitan air																			
Warna pemegang	Biru																			
Saiz pemegang	121mm (p) x 26mm (l)																			
Kemasan	<i>Silkscreen</i> dan cetakan UV																			
Reka bentuk & <i>mock-up</i>	Perlu disediakan oleh syarikat pembekal																			
	5. Lanyard (rujuk ilustrasi 5, lampiran 2) <table><tr><td>Jenis</td><td>Nylon</td></tr><tr><td>Saiz (setelah dilipat)</td><td>45cm (p) x 2cm (l) (panjang keseluruhan lanyard mestilah $\pm$ 93cm)</td></tr><tr><td>Warna</td><td>Biru / biru cair</td></tr><tr><td>Cetakan (CMYK)</td><td>Cetakan hadapan dan belakang</td></tr><tr><td>Kaedah cetakan</td><td><i>Custom printed lanyards with full colour heat transfer</i></td></tr><tr><td>Aksesori</td><td> i. Cangkuk logam ii. <i>Safety clip</i> </td></tr><tr><td>Kemasan</td><td><i>Button</i></td></tr><tr><td>Reka bentuk & <i>mock-up</i></td><td>Perlu disediakan oleh syarikat pembekal</td></tr></table>	Jenis	Nylon	Saiz (setelah dilipat)	45cm (p) x 2cm (l) (panjang keseluruhan lanyard mestilah $\pm$ 93cm)	Warna	Biru / biru cair	Cetakan (CMYK)	Cetakan hadapan dan belakang	Kaedah cetakan	<i>Custom printed lanyards with full colour heat transfer</i>	Aksesori	i. Cangkuk logam ii. <i>Safety clip</i>	Kemasan	<i>Button</i>	Reka bentuk & <i>mock-up</i>	Perlu disediakan oleh syarikat pembekal	1,000 unit		
Jenis	Nylon																			
Saiz (setelah dilipat)	45cm (p) x 2cm (l) (panjang keseluruhan lanyard mestilah $\pm$ 93cm)																			
Warna	Biru / biru cair																			
Cetakan (CMYK)	Cetakan hadapan dan belakang																			
Kaedah cetakan	<i>Custom printed lanyards with full colour heat transfer</i>																			
Aksesori	i. Cangkuk logam ii. <i>Safety clip</i>																			
Kemasan	<i>Button</i>																			
Reka bentuk & <i>mock-up</i>	Perlu disediakan oleh syarikat pembekal																			

BIL	PERIHAL BEKALAN YANG DIPERLUKAN	KUANTITI/ KEKERAPAN (BERDASARKAN PROGRAM)	KADAR (RM)	HARGA (RM)																				
	6. Rantai kunci (rujuk ilustrasi 6, lampiran 2) <table><tr><td>Jenis</td><td>PU</td></tr><tr><td>Warna</td><td>Putih</td></tr><tr><td>Saiz</td><td>2.3cm (p) x 7.3cm (t)</td></tr><tr><td>Berat</td><td>19g+/pc</td></tr><tr><td>Cetakan berwarna</td><td>Cetakan hadapan dan belakang rantai kunci: i. Logo AIR2040 ii. Logo PETRA</td></tr><tr><td>Aksesori</td><td>Metal <i>ring</i></td></tr><tr><td>Kemasan</td><td><i>Silkscreen</i> & cetakan UV</td></tr><tr><td>Reka bentuk & <i>mock-up</i></td><td>Perlu disediakan oleh syarikat pembekal</td></tr></table>	Jenis	PU	Warna	Putih	Saiz	2.3cm (p) x 7.3cm (t)	Berat	19g+/pc	Cetakan berwarna	Cetakan hadapan dan belakang rantai kunci: i. Logo AIR2040 ii. Logo PETRA	Aksesori	Metal <i>ring</i>	Kemasan	<i>Silkscreen</i> & cetakan UV	Reka bentuk & <i>mock-up</i>	Perlu disediakan oleh syarikat pembekal	3,000 unit						
Jenis	PU																							
Warna	Putih																							
Saiz	2.3cm (p) x 7.3cm (t)																							
Berat	19g+/pc																							
Cetakan berwarna	Cetakan hadapan dan belakang rantai kunci: i. Logo AIR2040 ii. Logo PETRA																							
Aksesori	Metal <i>ring</i>																							
Kemasan	<i>Silkscreen</i> & cetakan UV																							
Reka bentuk & <i>mock-up</i>	Perlu disediakan oleh syarikat pembekal																							
	7. Beg guna semula berserta <i>pouch</i> (rujuk ilustrasi 7, lampiran 2) <table><tr><td>Jenis bag & sarung</td><td>Polyster</td></tr><tr><td>Saiz bag</td><td>36cm (p) x 36.5cm (t)</td></tr><tr><td>Saiz <i>pouch</i></td><td>7.5cm (p) x 12.5cm (t)</td></tr><tr><td>Berat</td><td>33g+/pc</td></tr><tr><td>Warna bag</td><td>Putih</td></tr><tr><td>Warna sarung</td><td>Biru / putih</td></tr><tr><td>Warna</td><td>Warna penuh</td></tr><tr><td>Cetakan CYMK</td><td>Cetakan hadapan sahaja: i. Jata PETRA ii. Logo AIR2040 iii. Logo PETRA</td></tr><tr><td>Jenis cetakan</td><td>Cetakan UV-HD</td></tr><tr><td>Reka bentuk & <i>mock-up</i></td><td>Perlu disediakan oleh syarikat pembekal</td></tr></table>	Jenis bag & sarung	Polyster	Saiz bag	36cm (p) x 36.5cm (t)	Saiz <i>pouch</i>	7.5cm (p) x 12.5cm (t)	Berat	33g+/pc	Warna bag	Putih	Warna sarung	Biru / putih	Warna	Warna penuh	Cetakan CYMK	Cetakan hadapan sahaja: i. Jata PETRA ii. Logo AIR2040 iii. Logo PETRA	Jenis cetakan	Cetakan UV-HD	Reka bentuk & <i>mock-up</i>	Perlu disediakan oleh syarikat pembekal	5,000 unit		
Jenis bag & sarung	Polyster																							
Saiz bag	36cm (p) x 36.5cm (t)																							
Saiz <i>pouch</i>	7.5cm (p) x 12.5cm (t)																							
Berat	33g+/pc																							
Warna bag	Putih																							
Warna sarung	Biru / putih																							
Warna	Warna penuh																							
Cetakan CYMK	Cetakan hadapan sahaja: i. Jata PETRA ii. Logo AIR2040 iii. Logo PETRA																							
Jenis cetakan	Cetakan UV-HD																							
Reka bentuk & <i>mock-up</i>	Perlu disediakan oleh syarikat pembekal																							

BIL	PERIHAL BEKALAN YANG DIPERLUKAN	KUANTITI/ KEKERAPAN (BERDASARKAN PROGRAM)	KADAR (RM)	HARGA (RM)																						
	8. Jurnal mini yang mengandungi teks berkaitan AIR2040 (rujuk ilustrasi 8, lampiran 2) <table><tr><td>Pembalut kulit jurnal</td><td>PU leather</td></tr><tr><td>Warna pembalut</td><td>Biru</td></tr><tr><td>Saiz (tutup-portrait)</td><td>9cm (p) x 14cm (l)</td></tr><tr><td>Berat</td><td>106g+/pc</td></tr><tr><td>Jenis kertas jurnal</td><td>80gsm <i>simili paper</i> & kosong</td></tr><tr><td>Warna kertas</td><td>putih</td></tr><tr><td>Jumlah muka surat</td><td>100 muka surat</td></tr><tr><td>Cetakan kulit jurnal</td><td>Cetakan HD: 1. Logo AIR2040 2. Logo PETRA</td></tr><tr><td>Cetakan teks berwarna</td><td>cetakan 2-3 muka surat berkenaan AIR2040 (info daripada ASM)</td></tr><tr><td>Penjilidan</td><td><i>Perfect stitch</i></td></tr><tr><td>Reka bentuk & <i>mock-up</i></td><td>Perlu disediakan oleh syarikat pembekal</td></tr></table>	Pembalut kulit jurnal	PU leather	Warna pembalut	Biru	Saiz (tutup-portrait)	9cm (p) x 14cm (l)	Berat	106g+/pc	Jenis kertas jurnal	80gsm <i>simili paper</i> & kosong	Warna kertas	putih	Jumlah muka surat	100 muka surat	Cetakan kulit jurnal	Cetakan HD: 1. Logo AIR2040 2. Logo PETRA	Cetakan teks berwarna	cetakan 2-3 muka surat berkenaan AIR2040 (info daripada ASM)	Penjilidan	<i>Perfect stitch</i>	Reka bentuk & <i>mock-up</i>	Perlu disediakan oleh syarikat pembekal	5,000 unit		
Pembalut kulit jurnal	PU leather																									
Warna pembalut	Biru																									
Saiz (tutup-portrait)	9cm (p) x 14cm (l)																									
Berat	106g+/pc																									
Jenis kertas jurnal	80gsm <i>simili paper</i> & kosong																									
Warna kertas	putih																									
Jumlah muka surat	100 muka surat																									
Cetakan kulit jurnal	Cetakan HD: 1. Logo AIR2040 2. Logo PETRA																									
Cetakan teks berwarna	cetakan 2-3 muka surat berkenaan AIR2040 (info daripada ASM)																									
Penjilidan	<i>Perfect stitch</i>																									
Reka bentuk & <i>mock-up</i>	Perlu disediakan oleh syarikat pembekal																									
JUMLAH BAYARAN (TIDAK TERMASUK SST)																										
8% SST																										
JUMLAH KESELURUHAN TERMASUK SST																										


PENGESAHAN SYARIKAT

Saya/ Kami dengan ini, menawarkan sebut harga bagi perolehan bekalan bahan promosi sempena Jerayawara Pelan Hala Tuju Transformasi Air 2040 adalah benar.

Tandatangan:	Nama Syarikat:
Nama Penandatangan:	Alamat Syarikat:
No. Kad Pengenalan:	Tarikh:

LAMPIRAN 2

ILUSTRASI BAGI PEROLEHAN BEKALAN BAHAN PROMOSI SEMPENA JERAYAWARA PELAN HALA TUJU TRANSFORMASI AIR 2040

BEKALAN	BEKALAN
1. Penanda buku 	2. Stress ball 
3. Kad pemacu USB 	4. Kipas tangan PVC  Size : 17cm (H) x 18.5cm (L) Material : PVC Colour : Pink / Blue / Red / Green / Black Weight : 16g±/pc Printing : 

BEKALAN	BEKALAN
5. Lanyard  Finishing Options : • Button ± 45 cm Overall length: ± 93 cm 20 mm (width)	6. Rantai kunci  Size : 7.3cm (H) x 2.3cm (L) Material : PU Colour : Brown / Black / Green / Dark Blue Weight : 19g±/pc Printing : [Logos: Eco-friendly, UV print, Laser] *with Box 7.3 cm 2.3 cm
7. Beg guna semula berserta pouch  Size : [Open] : 36.5cm (H) x 36cm (L) [Folded] : 12.5cm (H) x 7.5cm (L) Material : Polyester Colour : Blue / Red / Black / Orange Weight : 33g±/pc Printing : [Logos: Recycle, PP, 100% Recycled] 12.5 cm 7.5 cm 36 cm 36.5 cm	8. Jurnal mini  Size : 14cm (H) x 9cm (L) Material : PU Colour : Blue / Green / Red / Purple / Black / Dark Blue Weight : 100g±/pc Printing : [Logos: Eco-friendly, Recycle, 100% Recycled] 14 cm 9 cm

**SYARAT – SYARAT AM
MUSTAHAK**

Syarat – syarat am yang berikut hendaklah dipakai, yang mana yang berkaitan, melainkan syarat – syarat am itu ditolak atau di ubah oleh syarikat.

1. Kelayakan Menyertai Sebut Harga

Sebut Harga adalah dipelawa kepada semua penyebut harga tempatan yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (MoF)** di bawah kod bidang **030201** serta kod-kod bidang tersebut perlu sah laku sekurang-kurangnya **tiga (3) bulan** dari tarikh tutup sebut harga.

Jika tempoh pendaftaran telah tamat atau hampir tamat, Penyebut harga hendaklah mengemukakan salinan surat daripada dan MoF yang menyatakan bahawa permohonan lanjutan/ pembaharuan tempoh pendaftaran telah dibuat.

2. Keadaan barang

Semua barang yang dibekalkan hendaklah tulen, baru dan belum digunakan termasuk aksesori.

3. Tawaran Harga

Harga yang ditawarkan hendaklah **harga bersih** dalam **Ringgit Malaysia (RM)** termasuk semua diskaun dan kos tambahan serta cukai SST yang berkaitan. Nilai SST hendaklah dinyatakan secara berasingan dalam Spesifikasi Bekalan dan Tawaran Harga.

Tiada sebarang tuntutan akan dilayan bagi pelarasan harga akibat daripada perubahan kos buruh, bahan-bahan dan semua duti dan cukai Kerajaan, sama ada dalam tempoh sah sebut harga atau dalam tempoh kerja.

4. Barang-barang setara

Sebut harga boleh ditawarkan bagi barang-barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

5. Sebut harga sebahagian

Sebut harga boleh ditawarkan bagi semua bilangan barangan atau sebahagian bilangan barangan.

6. Penerimaan Sebut Harga

ASM berhak menerima kesemua atau sebahagian daripada spesifikasi/ skop bekalan/ perkhidmatan yang telah ditawarkan daripada mana-mana tawaran sebut harga.

7. Pengenalan Produk

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang- barang itu, jika berkenaan hendaklah ditunjukkan.

8. Keaslian Produk

Pembekal yang menghantar bekalan tiruan/ telah digunakan/ rosak hendaklah menanggung atau menggantikan segala kerugian akibat daripada bekalan dan perkhidmatan tersebut.

9. Menyerah Hak Perkhidmatan

Keseluruhan dokumen sebut harga yang dipersetujui oleh penyebut harga di sini tidak boleh dipindah kepada mana-mana pihak yang lain, juga penyebut harga tidak dibenarkan menyerah hak sepenuhnya, sebahagian mahupun mana-mana bahagian perkhidmatan-perkhidmatan kepada pihak ketiga. Berkaitan dengan yang sama, penyebut harga memberi akujanjinya di sini tidak akan menyerah hak apa-apa faedah di bawah perkhidmatan ini tanpa terlebih dahulu mendapat persetujuan bertulis daripada ASM.

10. Persetujuan

ASM tidak terikat untuk bersetuju dengan mana-mana sebut harga yang terendah.

11. Pemeriksaan

- i) ASM sentiasa berhak menghendaki barang-barang itu diperiksa atau diuji oleh seseorang pegawai yang dilantik olehnya dalam masa pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan.
- ii) Penyebutharga hendaklah memberikan kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

12. Perakuan spesifikasi telah dipatuhi

Penyebutharga dikehendaki memperakui bahawa barang-barang/ perkhidmatan yang dibekalkan olehnya mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan dalam pelawaan.

13. Kaedah Pembayaran

Pembayaran akan dibuat selepas Pembekal menghantar bekalan dengan sempurna dan menyerahkan invoice berserta dokumen lengkap bagi tujuan tuntutan bayaran.

14. Penolakan Bahan, Barang dan Mutu Hasil Kerja oleh ASM

- i) Barang-barang/ perkhidmatan yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada barang-barang/ perkhidmatan yang telah dipersetujui dalam sebut harga boleh ditolak.
- ii) Apabila diminta, syarikat hendaklah mengambil semula barang-barang yang ditolak dan perbelanjaan berkaitan hendaklah ditanggung oleh syarikat. Syarikat hendaklah membayar balik kepada ASM sekiranya ASM telah membuat pembayaran bagi barang-barang/ perkhidmatan yang ditolak.
- iii) Fasal kecil (i) dan (ii) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak ASM untuk mendapatkan ganti rugi kerana melanggar kontrak.

15. Tempoh Jaminan

Bekalan hendaklah dijamin selama 24 bulan dari tarikh bekalan dihantar.

16. Ringkasan Sebut Harga

- i) Ringkasan Sebut Harga hendaklah menjadi sebahagian daripada Borang Sebut Harga ini dan hendaklah menjadi asas Jumlah Harga Sebut Harga.
- ii) Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah mengambil kira semua kos termasuk kos pengangkutan, cukai, duti, bayaran dan caj-caj lain yang perlu dan berkaitan bagi bekalan dengan sepenuhnya.
- iii) Tiada sebarang tuntutan akan dilayan bagi pelarasan harga akibat daripada perubahan kos buruh, bahan-bahan dan semua duti dan cukai Kerajaan, sama ada dalam tempoh sah sebut harga atau dalam tempoh Kerja.
- iv) Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga yang dikemukakan oleh Pembekal hendaklah tertakluk kepada persetujuan sebelumnya daripada ASM tentang kemunasabahannya. Persetujuan sebelumnya itu dan apa-apa pelarasan kemudiannya kepada harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dibuat sebelum SST dikeluarkan.
- v) Apa-apa pelarasan harga dalam Ringkasan Sebut Harga menurut perenggan 18 (iv) dan apa-apa kesilapan hisab dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dilaras dan diperbetulkan sebelum SST dikeluarkan. Jumlah amaun yang dilaraskan hendaklah sama dengan amaun jumlah harga dalam Borang Sebut Harga. Amaun jumlah harga dalam Borang Sebut Harga hendaklah tetap tidak berubah.

17. Percanggahan dan Kecukupan Dokumen Sebut Harga

- i) Dokumen Sebut Harga adalah dikira sebagai saling jelas-menjelas antara satu sama lain. Pembekal hendaklah mengadakan segala yang perlu untuk melaksanakan kerja dengan sewajarnya sehinggalah siap mengikut tujuan dan maksud sebenar. Dokumen Sebut Harga pada keseluruhannya sama ada atau tidak, tujuan dan maksud itu ada ditunjuk atau diperihalkan secara khusus, dengan syarat bahawa tujuan dan maksud itu hendaklah difahamkan dengan munasabahnya dari Dokumen Sebut Harga itu.
- ii) Jika Pembekal mendapati apa-apa percanggahan dalam Dokumen Sebut Harga, dia hendaklah merujuk kepada ASM untuk mendapatkan keputusan.

18. Pematuhan

Penyebut harga perlu mematuhi spesifikasi, segala arahan dan syarat-syarat di dalam Dokumen Sebut Harga. Kegagalan mengisi maklumat yang diperlukan serta melampirkan dokumen yang diperlukan akan menyebabkan tawaran harga ditolak dan tidak dipertimbangkan.

19. Pengiklanan

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga itu boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah atau saluran iklan lain tanpa kelulusan Pegawai Pengawal terlebih dahulu.

20. Barang-Barang Yang Dipesan Dari Luar Malaysia

20.1. Cukai

Harga tawaran hendaklah termasuk semua cukai dan unsur-unsur cukai dan hendaklah ditunjukkan berasingan.

20.2. Mata Wang

Sebut harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

20.3. Pembungkusan

- i) Barang- barang hendaklah dibungkus dengan bungkusan yang sesuai.
- ii) Harga yang ditawarkan hendaklah termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan.
- iii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti.

21. Integrity Pact

Penyebut harga yang menghantar dokumen sebutharga hendaklah menandatangani Surat Akuan Pembida bahawa ia tidak akan menawar atau memberi rasuah sebagai sogokan untuk mendapatkan projek. Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak syarikat. Surat Akuan Pembida adalah seperti di **Lampiran 7** dan Surat Perwakilan Kuasa adalah seperti di **Lampiran 8**.

22. Peringatan Mengenai Kesalahan Rasuah

- a. Sebarang Perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan satu jenayah di bawah Akta Pencegah Rasuah 1997;
- b. Sekiranya mana-mana pihak menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota Pentadbiran Awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke Pejabat Pencegahan Rasuah atau Balai Polis berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan satu kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997;
- c. Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota Perkhidmatan Awam dan menyenaraihitamkan syarikat boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997; dan
- d. Mana-mana syarikat yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat dan tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota Perkhidmatan Awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.

PENGESAHAN SYARIKAT

Saya/ Kami mengaku telah membaca dan memahami keseluruhan perkara dalam Syarat-syarat Am (Lampiran 3) seperti yang dinyatakan.

Tandatangan:	Nama Syarikat:
Nama Penandatangan:	Alamat Syarikat:
No. Kad Pengenalan:	Tarikh:

ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA**1. Hak Akademi Sains Malaysia (ASM) untuk Menerima / Menolak Sebut Harga**

- 1.1 ASM adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga.
- 1.2 **Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.**
- 1.3 Sila berikan sebut harga dengan perincian untuk perolehan perkhidmatan yang disenaraikan di Dokumen Jadual Harga.
- 1.4 ASM akan mengeluarkan Surat Setuju Terima dan Pesanan Tempatan kepada syarikat yang berjaya bagi perolehan ini.

2. Cara-Cara Melengkapkan Dokumen Sebut Harga**2.1 Penyediaan Sebut harga**

Penyebut harga adalah dikehendaki mengisi segala maklumat berikut dengan lengkap dan sepenuhnya:-

- a) Harga, tempoh bekalan dan perkhidmatan, tandatangan dan cop syarikat dalam Spesifikasi Bekalan dan Tawaran Harga – **Lampiran 2;**
- b) Syarat-syarat Am dan Arahan kepada Penyebutharga – **Lampiran 3 dan 4;**
- c) Ringkasan Sebut Harga (Kuantiti) – **Lampiran 5;**
- d) Borang Sebut Harga – **Lampiran 6;**
- e) Surat Akuan Pembida berserta Surat Perwakilan Syarikat – **Lampiran 7 dan 8;**
- f) Maklumat lengkap syarikat berserta Profil Syarikat – **Lampiran 9;**
- g) Melampirkan dokumen-dokumen penting yang diperlukan dan mestilah ditandakan dengan jelas pada Senarai Semak Sebut Harga – **Lampiran 10;**
- h) Pengalaman dalam perkhidmatan/ perolehan yang telah disempurnakan dan yang sedang dilaksanakan yang berkaitan dengan sebut harga ini – **Lampiran 11 dan Lampiran 12;**
- i) Penyerahan sampel – **Lampiran 13.**

Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas Penyebut harga hendaklah menandatangani ringkas semua pembetulan.

2.2 Penyerahan Dokumen Sebut harga

- a) Dokumen sebut harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah diemel dalam format PDF ke alamat emel sebutharga@akademisains.gov.my pada tarikh dan masa yang ditetapkan dalam Notis Sebut harga.
- b) Nombor sebut harga **RE25-11-001-SH** perlu diletakkan pada perkara/ *subject* emel.

- c) Penghantaran emel salinan/ cc adalah **TIDAK DIBENARKAN** bagi serahan dokumen sebut harga ini.
- d) Sebut harga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan serta tidak mematuhi peraturan penyerahan dokumen sebut harga, berbangkit dari sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.

2.3 Penyerahan sampel

Penyebutharga hendaklah menghantar sampel bagi setiap item secara fizikal ke pejabat ASM sebelum tarikh tutup pelawaan sebut harga. Sila rujuk Lampiran 13 untuk tatacara penghantaran sampel.

2.4 Penjelasan Lanjut

Sekiranya terdapat maklumat dalam dokumen tawaran sebut harga yang tidak jelas atau bercanggah, pihak penyebut harga boleh menghubungi Pegawai berkaitan untuk penjelasan lanjut.

3. Lokasi Penghantaran

Lokasi penghantaran bagi bekalan-bekalan yang diperlukan adalah seperti berikut:

AKADEMI SAINS MALAYSIA
Tingkat 20, Sayap Barat,
Menara Matrade
Jalan Sultan Hj Ahmad Shah
Off Jalan Tuanku Abdul Halim
50480 Kuala Lumpur

4. Perbelanjaan Sebut Harga

Semua perbelanjaan bagi penyediaan sebut harga ini hendaklah ditanggung oleh penyebut harga sendiri.

5. Tempoh Sah Sebut Harga

Tawaran sebut harga ini sah selama sembilan puluh hari (90) hari dari tarikh tutup sebut harga. Penyebut harga tidak boleh menarik balik sebut harga yang telah ditawarkan sebelum tamat tempoh sah sebut harga. ASM tidak akan mempertimbangkan tawaran harga diubah.

6. Addenda

Addenda boleh diedarkan sebelum tarikh tutup sebut harga bagi menjelaskan Dokumen Sebut Harga atau pembetulan kepada mana-mana pindaan yang perlu dan ia adalah merupakan sebahagian daripada Dokumen Sebut Harga tersebut. Kegagalan melampirkan Dokumen Sebut Harga Bersama Addenda boleh menyebabkan sebut harga ditolak.

PENGESAHAN SYARIKAT

Saya/ Kami mengaku telah membaca dan memahami keseluruhan perkara dalam Arahan kepada Penyebut Harga (Lampiran 4) seperti yang dinyatakan.

Tandatangan:	Nama Syarikat:
Nama Penandatangan:	Alamat Syarikat:
No. Kad Pengenalan:	Tarikh:

RINGKASAN SEBUT HARGA (KUANTITI)

Sebut Harga Perolehan Bekalan Bahan Promosi Sempena Jerayawara Pelan Hala Tuju Tranformasi Air 2040.

BIL PERIHAL KERJA YANG DIPERLUKAN	KUANTITI/ KEKERAPAN	KADAR (RM)	HARGA (RM)
UNTUK DIISI OLEH JABATAN		UNTUK DIISI OLEH PENTENDER	
1. Penanda buku	5,000 unit		
2. <i>Stress ball</i>	500 unit		
3. Kad pemacu kilat USB	250 unit		
4. Kipas tangan PVC	5,000 unit		
5. Lanyard	1,000 unit		
6. Rantai kunci	3,000 unit		
7. Beg guna semula berserta <i>pouch</i>	5,000 unit		
8. Jurnal mini yang mengandungi teks berkaitan AIR2040	5,000 unit		
JUMLAH TAWARAN HARGA			
8% SST			
JUMLAH KESELURUHAN PERKHIDMATAN TERMASUK 8% SST			

Saya/ Kami dengan ini, mengesahkan bahawa tawaran harga yang dinyatakan bagi perolehan bekalan bahan promosi sempena Jerayawara Pelan Hala Tuju Transformasi Air 2040 adalah benar.

Tandatangan:	Nama Syarikat:
Nama Penandatangan:	Alamat Syarikat:
No. Kad Pengenalan:	Tarikh:

BORANG SEBUT HARGA

No. Sebut Harga RE25-11-001-SH

Akademi Sains Malaysia
Tingkat 20, Sayap Barat, Menara MATRADE
Jalan Sultan Haji Ahmad Shah
Off Jalan Tuanku Abdul Halim
50480 Kuala Lumpur

Tuan/ Puan,

**SEBUT HARGA BAGI PEROLEHAN BEKALAN BAHAN PROMOSI SEMPENA JERAYAWARA
PELAN HALA TUJU TRANSFORMASI AIR 2040**

Di bawah dan tertakluk kepada Arahan Kepada Penyebut Harga, Syarat-syarat Am Sebut Harga, Spesifikasi Bekalan dan Tawaran Harga, saya yang bertandatangan di bawah ini adalah dengan ini menawarkan harga untuk perolehan bekalan bahan promosi sempena Jerayawara Pelan Hala Tuju Transformasi Air 2040 dengan harga pukal sejumlah Ringgit Malaysia (ditulis dalam perkataan)
.....(RM).....

2. Saya bersetuju membekal bahan promosi sempena Jerayawara Pelan Hala Tuju Transformasi Air 2040 pada **18 Disember 2025**, seperti yang tertera di Spesifikasi Bekalan dan Tawaran Harga.
3. Saya bersetuju membekal bahan promosi sempena Jerayawara Pelan Hala Tuju Transformasi Air 2040 dalam tempoh hari/ minggu/ bulan (**ruangan ini hanya perlu diisi sekiranya penyebut harga mencadangkan tempoh berbeza daripada para 2).**

Bertarikh pada

Tandatangan Penyebut Harga

Tandatangan Saksi

Nama:

Nama:

No. K/P:

No. K/P:

Alamat:

Alamat:

Cop

syarikat:

SURAT AKUAN PEMBIDA

Sebut harga perolehan bekalan bahan promosi sempena Jerayawara Pelan Hala Tuju Transformasi Air 2040

Sayanombor K.P
yang mewakili (Nama Syarikat) dengan nombor
pendaftaran (MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB) dengan ini
mengistiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan
menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Akademi Sains Malaysia
(ASM)** atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti
di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat
seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

1. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah
menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam ASM atau mana-mana
individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas, maka saya
sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:
 - 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi sebut harga di atas; atau.
 - 2.2 Penamatan kontrak bagi sebut harga di atas; dan
 - 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat
kuasa.
2. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-
mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam
sebut harga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan
tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Rasuah Melayu (SPRM) atau balai
polis berhampiran.

Yang Benar,

Tandatangan :

Nama :

No. KP :

Cop Syarikat :

Tarikh :

- i) Potong mana yang tidak berkenaan
- ii) Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Perwakilan Kuasa – Lampiran 8

SURAT PERWAKILAN KUASA**(Kepala Surat Syarikat)**

Tarikh:

Ketua Pegawai Eksekutif
AKADEMI SAINS MALAYSIA
Tingkat 20, Sayap Barat
Menara MATRADE
Jalan Sultan Haji Ahmad Shah
Off Jalan Tuanku Abdul Halim
50480 Kuala Lumpur

Puan,

**SEBUT HARGA BAGI PEROLEHAN BEKALAN BAHAN PROMOSI SEMPENA
JERAYAWARA PELAN HALA TUJU TRANSFORMASI AIR 2040**

Syarikat kami, (Nama Syarikat),
Nombor Pendaftaran Syarikat, dengan ini mewakilkan
kuasa kepada(Nama Wakil Syarikat),
..... (nombor Kad Pengenalan), untuk menandatangani
segala dokumen-dokumen yang berkaitan dengan sebutharga ini bagi pihak syarikat.

Yang benar,

Tandatangan :
Pengarah Syarikat
Nama Pengarah :
No. Kad Pengenalan :
Cop Syarikat :
Tarikh :

MAKLUMAT SYARIKAT

Syarikat hendaklah menyertakan profil syarikat bersama lampiran ini.

Bil.	Butiran	Maklumat
1.	Nama Syarikat:	
2.	Alamat:	
3.	No. Telefon:	
4.	No. Faks:	
5.	E-mel:	
6.	Butiran Pendaftaran Syarikat a) Pendaftaran Syarikat:	
	b) Tarikh Ditubuhkan:	
7.	Butiran Pendaftaran Syarikat dengan Kementerian Kewangan Malaysia a) No. Pendaftaran:	
	b) Tarikh Mula:	
	c) Tarikh Tamat:	
	d) Kod dan bidang:	

Bil.	Butiran	Maklumat
8.	Modal Perniagaan	
	a) Dibenarkan:	
	b) Dibayar:	
9.	Komposisi Modal Dibayar	
	a) Bumiputera:	
	b) Bukan bumiputera:	
10.	Senaraikan pegawai/ kakitangan syarikat	
	a) Nama:	
	b) Jawatan:	
	c) Kelulusan:	
11.	Senarai nama syarikat cawangan dan anak syarikat	
12.	Maklumat Bank Syarikat	
	a) Nama:	
	b) No. Akaun:	
13.	Lain-lain maklumat bagi menyokong tawaran ini	

Penyebut Harga boleh menyertakan lampiran tambahan sekiranya ruang sedia ada tidak mencukupi.

SENARAI SEMAK SEBUT HARGA

Sila tandakan ✓ bagi dokumen-dokumen wajib yang disertakan.

BIL	PERKARA / DOKUMEN WAJIB	SEMAKAN SYARIKAT	SEMAKAN JAWATANKUASA
1.	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran dari Kementerian Kewangan (MOF)		
2.	Salinan Sijil Akuan Bumiputera dari Kementerian Kewangan (Bekalan/Perkhidmatan)		
3.	Salinan Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)		
DOKUMEN YANG TELAH LENGKAP DIISI BERSERTA DOKUMEN SOKONGAN			
4.	Spesifikasi Bekalan dan Tawaran Harga – Dokumen Jadual Harga		
5.	Syarat – Syarat Am (Lampiran 3) dan Arahan kepada Penyebut Harga (Lampiran 4)		
6.	Ringkasan Sebut Harga – Lampiran 5		
7.	Borang Sebut Harga – Lampiran 6		
8.	Surat Akuan Pembida – Lampiran 7		
9.	Surat Perwakilan Kuasa – Lampiran 8		
10.	Maklumat Syarikat berserta Profil Syarikat – Lampiran 9		
11.	Salinan penyata bulanan akaun bank bagi tiga (3) bulan terkini (Oktober, September, Ogos)		
12.	Senarai Semak Sebut Harga – Lampiran 10		

BIL	PERKARA / DOKUMEN WAJIB	SEMAKAN SYARIKAT	SEMAKAN JAWATANKUASA
13.	Salinan Surat Setuju Terima/ Kontrak/ Pesanan Tempatan bagi perolehan yang telah disempurnakan – Lampiran 11		
14.	Salinan Surat Setuju Terima/ Kontrak/ Pesanan Tempatan bagi perolehan yang sedang dilaksanakan – Lampiran 12		
15.	Sampel – Lampiran 13		
16.	Penyerahan sebut harga berasingan (jika ada tawaran lain daripada penyebut harga)		
17.	Dokumen-dokumen lain yang boleh menyokong tawaran sebut harga ini (jika berkaitan)		

Saya/ Kami dengan ini mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga ini dan semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.

Tandatangan:

Nama:

Jawatan:

Tarikh:

UNTUK KEGUNAAN ASM	
Jawantankuasa Pembuka Sebut Harga/ Penilaian Harga mengesahkan penerimaan dokumen-dokumen wajib yang bertanda di Lampiran 10 bagi penyebut harga bernombor kecuali bagi dokumen bil. berikut (jika tidak dilampirkan).	
Tandatangan: Nama: Jawatan: Tarikh: Tandatangan: Nama: Jawatan: Tarikh:	Tandatangan: Nama: Jawatan: Tarikh: Tandatangan: Nama: Jawatan: Tarikh:

SENARAI PEROLEHAN YANG TELAH DISEMPURNAKAN

Senaraikan perolehan berkaitan sebut harga ini yang telah disempurnakan **berserta salinan Surat Setuju Terima (SST)/ Kontrak dan Salinan Sijil Perakuan Siap Kerja.**

[illegible]

Penyebut Harga boleh menyertakan lampiran tambahan sekiranya ruang sedia ada tidak mencukupi.

SENARAI PEROLEHAN YANG SEDANG DILAKSANAKAN

Senaraikan perolehan berkaitan yang sedang dilaksanakan **berserta salinan Surat Setuju Terima (SST)/ Kontrak.**

[illegible]

Penyebut harga boleh menyertakan lampiran tambahan sekiranya ruang sedia ada tidak mencukupi.

PENYERAHAN SAMPEL

Penyebut harga adalah dikehendaki melampirkan sampel berdasarkan tawaran harga yang diberikan.

Tawaran harga tidak akan dipertimbangkan sekiranya penyebut harga tidak melampirkan sampel bekalan seperti yang dihuraikan di Spesifikasi Bekalan dan Tawaran Harga (Dokumen Jadual Harga).

Tatacara penghantaran dokumen sampel:

1. Sampel perlu dimasukkan ke dalam sampul surat dengan meletakkan No Rujukan: RE25-11-001-SH dan Nama Syarikat.
2. Syarikat perlu mendaftar penyerahan sampel ke dalam 'Buku Daftar Sampel Sebut Harga' yang terdapat di Kaunter Penyambut Tetamu di Lobi ASM Tingkat 20.
3. Sampel perlu diserahkan kepada penyambut tetamu pada waktu bekerja.